

**DEFINISI VARIABEL SEKOLAH AGAMA
(SISTEM MAKLUMAT PENDIDIKAN ISLAM)**

BIL.	VARIABEL	KETERANGAN VARIABEL	LAIN-LAIN KETERANGAN
1.	Jenis Sekolah	Jenis sekolah adalah seperti senarai dan mengikut kriteria yang telah ditetapkan oleh JAIN/MAIN/Yayasan.	<p>1- Sekolah Rendah Agama Negeri (SRAN)</p> <p>i- Sekolah rendah yang didirikan oleh kerajaan negeri, ditadbir urus di bawah Agensi Agama Negeri dan ianya tidak ditadbir oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.</p> <p>ii- Menjalankan kurikulum kebangsaan dan kurikulum KAFA/ Negeri</p> <p>iii- Peruntukan kewangan, guru dan bantuan infrastruktur sepenuhnya dari Kerajaan Negeri.</p> <p>iv- Terdapat dua kategori bagi SRAN iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bagi SRAN sepenuh masa adalah merupakan Sekolah kelolaan Kerajaan Negeri yang menggabungkan kurikulum Negeri/KAFA dan Kebangsaan(Dwi kurikulum). Sekolah ini beroperasi satu/dua sesi dan muridnya tidak belajar di Sekolah Kebangsaan milik KPM. • Bagi SRAN tidak sepenuh masa adalah merupakan Sekolah kelolaan Kerajaan Negeri yang melaksanakan kurikulum Negeri/KAFA sahaja. Sekolah ini beroperasi satu/dua sesi dan muridnya belajar Sekolah Kebangsaan milik KPM. <p>2- Sekolah Rendah Agama Rakyat (SRAR)</p> <p>i- Sekolah rendah yang didirikan dengan daya usaha rakyat dan dikelola oleh lembaga pengurusan sekolah.</p> <p>ii- Menjalankan kurikulum kebangsaan dan kurikulum KAFA/ Negeri</p> <p>iii- Peruntukan kewangan sebahagian dari Rakyat, dan sebahagian bantuan diberikan oleh Kerajaan Negeri.</p> <p>iv- Terdapat dua kategori bagi SRAR iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bagi SRAR sepenuh masa adalah merupakan Sekolah kelolaan Kerajaan Negeri yang menggabungkan kurikulum Negeri/KAFA dan Kebangsaan(Dwi kurikulum). Sekolah ini

			<p>beroperasi satu/dua sesi dan muridnya tidak belajar di Sekolah Kebangsaan milik KPM.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bagi SRAR tidak sepenuh masa adalah merupakan Sekolah kelolaan Kerajaan Negeri yang melaksanakan kurikulum Negeri/KAFA sahaja. Sekolah ini beroperasi satu/dua sesi dan muridnya belajar Sekolah Kebangsaan milik KPM. <p>3- Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN)</p> <ul style="list-style-type: none"> i- Sekolah menengah (Tingkatan 1 hingga tingkatan 5/6) yang didirikan oleh kerajaan negeri, ditadbir urus di bawah Agensi Agama Negeri dan ianya tidak ditadbir oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. ii- Melaksanakan kurikulum kebangsaan/ negeri iii- Peruntukan kewangan, guru dan bantuan infrastruktur sepenuhnya dari Kerajaan Negeri. <p>4- Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR)</p> <ul style="list-style-type: none"> i- Sekolah menengah yang didirikan dengan daya usaha rakyat atau Kerajaan Negeri dan ianya dikelola oleh lembaga sekolah. ii- Menjalankan kurikulum kebangsaan / Negeri iii- Peruntukan kewangan sebahagian dari Rakyat, dan sebahagian bantuan diberikan oleh Kerajaan Negeri. <p>5- Mahaad Tahfiz Negeri (Rendah)</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Sekolah/maahad tahfiz rendah yang didirikan oleh kerajaan negeri, ditadbir urus di bawah Agensi Agama Negeri dan ianya tidak ditadbir oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. ii. Pelajar adalah di bawah lingkungan 7 hingga 12 tahun sahaja. iii. Menjalankan kurikulum kebangsaan dan kurikulum Tahfiz/Jabatan Agama Negeri atau kurikulum tahfiz sahaja. iv-Peruntukan kewangan, guru dan bantuan infrastruktur sepenuhnya dari Kerajaan Negeri. <p>6- Mahaad Tahfiz Negeri (Menengah)</p> <ul style="list-style-type: none"> i- Sekolah/maahad tahfiz menengah yang didirikan oleh kerajaan negeri, ditadbir urus di bawah Agensi Agama
--	--	--	---

			<p>Negeri dan ianya tidak ditadbir oleh Kementerian Pelajaran.</p> <p>ii- Pelajar adalah di bawah lingkungan 13 hingga 19 tahun sahaja.</p> <p>iii- Menjalankan kurikulum kebangsaan dan kurikulum Tahfiz/Jabatan Agama Negeri.</p> <p>iv- Peruntukan kewangan, guru dan bantuan infrastruktur sepenuhnya dari Kerajaan Negeri.</p> <p>7- Mahaad Tahfiz Swasta (Rendah)</p> <p>i- Sekolah/maahad tahfiz rendah yang didirikan dan ditadbir oleh individu/persatuan/organisasi/syarikat korporat/pertubuhan politik dan ianya tidak ditadbir oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.</p> <p>ii- Pelajar adalah di bawah lingkungan 7 hingga 12 tahun sahaja.</p> <p>iii- Menjalankan kurikulum kebangsaan dan kurikulum Tahfiz/Jabatan Agama Negeri atau kurikulum tahfiz sahaja.</p> <p>iv-Peruntukan kewangan, guru dan bantuan infrastruktur dibiayai sendiri oleh badan yang menubuhkan tahfiz tersebut.</p> <p>8- Mahaad Tahfiz Swasta (Menengah)</p> <p>i- Sekolah/maahad tahfiz menengah yang didirikan dan ditadbir oleh individu/persatuan/organisasi/syarikat korporat/pertubuhan politik dan ianya tidak ditadbir oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.</p> <p>ii- Pelajar adalah di bawah lingkungan 13 hingga 19 tahun sahaja.</p> <p>iii- Menjalankan kurikulum kebangsaan dan kurikulum Tahfiz/Jabatan Agama Negeri atau kurikulum tahfiz sahaja.</p> <p>iv-Peruntukan kewangan, guru dan bantuan infrastruktur dibiayai sendiri oleh badan yang menubuhkan tahfiz tersebut.</p> <p>9- Mahaad Tahfiz Negeri (Rendah dan Menengah)</p> <p>i- Sekolah/maahad tahfiz peringkat rendah dan menengah yang didirikan oleh kerajaan negeri, ditadbir di bawah Agensi Agama Negeri dan ianya tidak ditadbir oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.</p>
--	--	--	--

			<p>ii- Pelajar adalah di bawah lingkungan ≤ 6 tahun hingga ≥ 20 tahun.</p> <p>iii- Menjalankan kurikulum kebangsaan dan kurikulum Tahfiz/Jabatan/ Yayasan Islam Negeri.</p> <p>iv- Peruntukan kewangan, guru dan bantuan infrastruktur sepenuhnya dari Kerajaan Negeri.</p> <p>10- Mahaad Tahfiz Swasta (Rendah dan Menengah)</p> <p>i- Sekolah/maahad tahfiz peringkat rendah dan menengah yang didirikan dan ditadbir urus oleh individu/persatuan, organisasi/syarikat korporat/pertubuhan politik dan ianya tidak ditadbir oleh Kementerian Pelajaran.</p> <p>ii- Pelajar adalah di bawah lingkungan ≤ 6 tahun hingga ≥ 20 tahun.</p> <p>iii- Menjalankan kurikulum kebangsaan dan kurikulum Tahfiz/Jabatan Agama Negeri atau kurikulum tahfiz sahaja.</p> <p>iv- Peruntukan kewangan, guru dan bantuan infrastruktur dibiayai sendiri oleh badan yang menubuhkan tahfiz tersebut.</p> <p>11- Sekolah Rendah Agama Swasta</p> <p>i- Sekolah rendah yang didirikan dan ditadbir urus oleh individu/persatuan, organisasi/syarikat korporat/pertubuhan politik dan ianya tidak ditadbir oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.</p> <p>ii- Pelajar adalah di bawah lingkungan 7 hingga 12 tahun sahaja.</p> <p>iii- Menjalankan kurikulum kebangsaan dan Jabatan Agama Negeri/KAFA.</p> <p>iv- Peruntukan kewangan, guru dan bantuan infrastruktur dibiayai sendiri oleh badan yang menubuhkan sekolah tersebut.</p> <p>12- Sekolah Menengah Agama Swasta</p> <p>i- Sekolah menengah yang didirikan dan ditadbir urus oleh individu,persatuan, organisasi,syarikat korporat/pertubuhan politik dan ianya tidak ditadbir oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.</p> <p>ii- Pelajar adalah di bawah lingkungan 7 hingga 12 tahun sahaja.</p>
--	--	--	--

			<p>iii- Menjalankan kurikulum kebangsaan dan Jabatan Agama Negeri/ KAFA.</p> <p>iv- Peruntukan kewangan, guru dan bantuan infrastruktur dibiayai sendiri oleh badan yang menubuhkan sekolah tersebut.</p> <p>13- Sekolah pondok/madrasah</p> <p>Sekolah yang menjalankan pengajian agama secara terbuka kepada orang awam tanpa mengira peringkat umur. Sekolah ini menjalankan pengajian secara tidak formal (bukan sepenuh masa/ selepas waktu persekolahan) dan formal (pagi hingga petang). Menggunakan kitab turath/kebangsaan/sekolah agama negeri/swasta.</p> <p>14- Sekolah Tadika Islam Negeri</p> <p>Sekolah yang didirikan oleh kerajaan negeri, ditadbir urus di bawah Agensi Agama Negeri.</p> <p>15- Sekolah Tadika Islam Swasta</p> <p>Sekolah yang didirikan dan ditadbir urus oleh individu/persatuan/organisasi, syarikat korporat/ pertubuhan politik.</p> <p>16- Sekolah Rendah Agama (SAR) Rendah Menengah</p> <p>i- Sekolah menengah yang didirikan dengan daya usaha rakyat atau Kerajaan Negeri dan ianya dikelola oleh lembaga sekolah.</p> <p>ii- Menjalankan kurikulum kebangsaan / Negeri</p> <p>iii- Melaksanakan dua peringkat pendidikan iaitu rendah dan menengah di bawah seliaan seorang Guru Besar/Pengetua</p> <p>iv- Peruntukan kewangan sebahagian dari Rakyat, dan sebahagian bantuan diberikan oleh Kerajaan Negeri.</p> <p>17- Kolej Tahfiz (Sijil dan Diploma)</p> <p>Sekolah yang ditubuhkan untuk keperluan pelajar lepasan SPM berumur 18 tahun dan ke atas menyambung pengajian ke peringkat sijil dan diploma dalam bidang tahfiz.</p>
--	--	--	--